

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

SOALAN NO. 50

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status terkini perancangan bagi pembangunan Tok Bali yang berada di bawah perancangan Kerajaan Pusat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Persekutuan tiada perancangan pembangunan khusus bagi kawasan Tok Bali. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), terdapat lapan projek pembangunan sedang dilaksanakan di kawasan Tok Bali. Kos keseluruhan projek berjumlah RM404.66 juta dengan siling tahun 2019 berjumlah RM3.6 juta. Antara projek yang sedang dilaksanakan adalah Taman Industri Tok Bali, Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali, kerja-kerja infrastruktur luaran bagi Pelabuhan Tok Bali, membaiki dan menaik taraf Jalan Pasir Puteh-Gong Kulim-Tok Bali, dan kerja-kerja pengerukan di Basin Jeti Pejabat Laut Tok Bali.

2. Perancangan pembangunan kawasan Tok Bali turut dinyatakan di dalam dokumen Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) 2.0 (Tahun 2018-2025). Tok Bali berpotensi dimajukan sebagai hab bagi perdagangan rentas sempadan, kawasan sokongan bagi perkhidmatan minyak dan gas, kawasan perindustian, taman perikanan dan

pelabuhan. Perancangan pembangunan yang diselaras oleh ECER dan Kerajaan Negeri ini telah diterjemahkan melalui permohonan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di kawasan ECER kepada Kerajaan Persekutuan.

3. Bagi perancangan pembangunan kawasan mengikut wilayah, Kerajaan sedang meneliti potensi pembangunan di setiap wilayah termasuk di wilayah timur melalui kajian Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu (PLAN Malaysia). Rangka kerja ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2020. Rangka kerja tersebut, akan dapat mengenal pasti aktiviti kluster ekonomi terpilih yang sesuai dilaksanakan di setiap wilayah, mengikut kelebihan dan peluang yang ada di wilayah tersebut. Penetapan kluster ini akan memastikan perancangan pembangunan dapat dilaksanakan secara berkesan di peringkat nasional, wilayah dan negeri.

4. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi mengurangkan jurang di antara wilayah dan memastikan pembangunan yang lebih seimbang seperti yang dinyatakan di dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), di bawah Tonggak 3, Menuju Ke Arah Pembangunan Wilayah Yang Seimbang.

Sekian, terima kasih.